

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
(KALABAKAN)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini terhadap usaha memanjangkan landasan dan menaik taraf bangunan terminal Lapangan Terbang Tawau bagi menampung permintaan penggunaan pengangkutan udara untuk penumpang dan kargo pasti meningkat pasca pandemik COVID-19 seperti yang dicatatkan yakni Lapangan Terbang Tawau adalah lapangan terbang ketiga paling sibuk selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melaksanakan beberapa perancangan untuk mempertingkatkan dan menaiktaraf perkhidmatan Lapangan Terbang Tawau melalui Pelan Pemodenan Lapangan Terbang Tawau yang dilancarkan pada 2018. Melalui pelan ini, antara lain, MAHB akan mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang Lapangan Terbang Tawau daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada 2.5 juta penumpang setahun.

Walau bagaimanapun, penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara terutama kemampuan MAHB untuk membiayai projek tersebut. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa sehingga 2025 untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.

Berdasarkan perkembangan terkini dan kekurangan permintaan dalam industri penerbangan negara, projek ini akan ditangguhkan sehinggalah industri penerbangan dipulihkan.

Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada penghujung tahun 2021 dan dijangka akan dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2023. Hasil daripada kajian ini nanti akan membantu perancangan masa hadapan bagi lapangan-lapangan terbang termasuk lapangan terbang Tawau dengan lebih jelas dan efektif berdasarkan *Evidence Based Planning*.